

Soalan 1

Pada 1 April 2022, Puan Zaidah memulakan perniagaan Bakeri Lazat yang membekalkan pelbagai jenis kek dan biskut di Pekan Simpang Empat, Perlis. Beliau membawa masuk modal sebanyak RM21 500 yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di bank	20 000
Alatan kedai	1 500

Sepanjang bulan April 2022, urusniaga Bakeri Lazat ditunjukkan oleh dokumen-dokumen seperti berikut :

Tarikh : 2 April 2022		
Penerima : Encik Salim		
Kerana : Membayar sewa kedai		
	Ringgit	Sen
Baki akhir	20 000	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	20 000	00
Cek ini	650	00
Baki	19 350	00
No.: 365001		

Dokumen 1 (keratan cek)

ASAL		No.: 6301
RESIT RASMI GUAN PERABOT 25, Kompleks Mara 01000 Kangar		
		Tarikh : 4 April 2022
Diterima daripada	: Bakeri Lazat	
Ringgit Malaysia	: Enam ribu Sembilan ratus sahaja	
Bayaran untuk	: Rak pameran kek	
RM6 900.00		
Tunai / No. cek : BSB 365002		
		Zohri Pengurus

Dokumen 2

ASAL

No. : 4786

INVOIS
KILANG KEK UNIK
Lot 10 Taman Mergong
05100 Alor Setar

Tarikh : 6 April 2022

Kepada:
Bakeri Lazat
No. 37A Simpang Empat
01000 Kangar

BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
1	Kek lapis (1 kg)	30 biji	60.00	1 800.00
2	Kek blackforest (1 kg)	10 biji	45.00	450.00
3	Kek keju (1 kg)	30 biji	50.00	1 500.00
4	Kek marble (250g)	50 biji	5.00	250.00
				4 000
Tolak : Diskaun niaga 10%				400.00
JUMLAH				3 600.00

(Ringgit Malaysia : Tiga ribu enam ratus sahaja)

Syarat : 10% 10 hari, 5% 15 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. di K.

zaidah
Penerima

UNIZAH
Pengurus

SALINAN	<p>BIL TUNAI BAKERI LAZAT No. 37A Simpang Empat 01000 Kangar</p>	No. : 0001		
Kepada: SMK Damai 01000 Kangar		Tarikh : 10 April 2022		
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
1	Kek lapis (1 kg)	10 biji	66.00	660.00
2	Kek marble (250g)	30 biji	5.50	165.00
JUMLAH				825.00
(Ringgit Malaysia : Lapan ratus dua puluh lima sahaja) Tunai / No. cek :				
zaidah Penerima			UNIZAH Pengurus	

Dokumen 4

ASAL	<p>NOTA KREDIT KILANG KEK UNIK Lot 10 Taman Mergong 05100 Alor Setar</p>	NK. : 2019		
Kepada: Bakeri Lazat No. 37A Simpang Empat 01000 Kangar		Tarikh : 12 April 2022		
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
1	Kek marble (250g) (Kek dipulangkan kerana rosak)	20 biji	5.00	100.00
				10.00
JUMLAH				90.00
(Ringgit Malaysia : Sembilan puluh sahaja)				
			UNIZAH Pengurus	

Dokumen 5

ASAL	No.: 4936
RESIT RASMI KILANG KEK UNIK Lot 10 Taman Mergong 05100 Alor Setar	
Tarikh : 14 April 2022	
Diterima daripada	: Bakeri Lazat
Ringgit Malaysia	: Tiga ribu satu ratus lima puluh Sembilan sahaja (Diskaun tunai RM351.00)
Bayaran untuk	: Menjelaskan invoice No. 4786
RM3 159.00 Tunai / No. cek : BSB 365003	
Zohri Pengurus	

Dokumen 6

ASAL	No. : 4910			
INVOIS SAPURA BISKUT 647-B Jalan Darul Aman 05100 Alor Setar				
Tarikh : 17 April 2022				
Kepada: Bakeri Lazat No. 37A Simpang Empat 01000 Kangar				
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
1	Biskut Makmur	20 balang	24.00	480.00
2	Biskut Mazola	15 balang	20.00	300.00
3	Biskut tat	30 balang	32.00	960.00
4	Biskut nestum	10 balang	16.00	160.00
Tolak : Diskaun niaga 10%				1 900.00 190.00
JUMLAH				1 710.00
(Ringgit Malaysia : Satu ribu tujuh ratus sepuluh sahaja) Syarat : 10% 10 hari, 5% 15 hari				
K. & K. di K.				
zaidah				PATRICK

Penerima	Pengurus
----------	----------

Dokumen 7

SALINAN	No. : 0001																																		
INVOIS BAKERI LAZAT No. 37A Simpang Empat 01000 Kangar																																			
Tarikh : 19 April 2022																																			
Kepada: Restoren Bayu 26, Jalan Kuala Perlis 01000 Perlis																																			
<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>BUTIR</th> <th>KUANTITI</th> <th>HARGA SEUNIT RM</th> <th>JUMLAH RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kek blackforest (1 kg)</td> <td>10 biji</td> <td>54.00</td> <td>540.00</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kek keju (1 kg)</td> <td>20 biji</td> <td>60.00</td> <td>1 200.00</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Biskut tat</td> <td>10 balang</td> <td>40.00</td> <td>400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td style="text-align: right;">2 140.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak : Diskaun niaga 5%</td> <td style="text-align: right;">107.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">JUMLAH</td> <td style="text-align: right;">2 033.00</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM	1	Kek blackforest (1 kg)	10 biji	54.00	540.00	2	Kek keju (1 kg)	20 biji	60.00	1 200.00	3	Biskut tat	10 balang	40.00	400.00					2 140.00	Tolak : Diskaun niaga 5%				107.00	JUMLAH				2 033.00
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM																															
1	Kek blackforest (1 kg)	10 biji	54.00	540.00																															
2	Kek keju (1 kg)	20 biji	60.00	1 200.00																															
3	Biskut tat	10 balang	40.00	400.00																															
				2 140.00																															
Tolak : Diskaun niaga 5%				107.00																															
JUMLAH				2 033.00																															
(Ringgit Malaysia : Dua ribu tiga puluh tiga sahaja) Syarat : 5% 10 hari, 2% 15 hari Serahan : Angkutan dibayar																																			
K. & K. di K. <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> munir Penerima zaidah Pengurus </div>																																			

Dokumen 8

BANK SEPADU BERHAD	Salinan Pendeposit								
SLIP SIMPANAN WANG TUNAI									
Tarikh : 21 April 2022									
BUTIR – BUTIR PEMOHON									
NAMA PENUH	BAKERI LAZAT								
NO K/P	111136647220								
SIMPANAN TUNAI									
RINGGIT MALAYSIA (Dalam perkataan)	RM								
Empat ratus sahaja	<table border="1"> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>4</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td> </tr> </table>				4	0	0	0	0
			4	0	0	0	0		
Midah									

Tandatangan

Dokumen 9

SALINAN

N/D. : 0001

NOTA DEBIT
BAKERI LAZAT
 No. 37A Simpang Empat
 01000 Kangar

Tarikh : 24 April 2022

Kepada:
 Restoren Bayu
 26, Jalan Kuala Perlis
 01000 Perlis

BIL	BUTIR	JUMLAH RM
1	Biskut tat (tertinggal catat 5 balang biskut tat, berharga RM60.00, dalam invoice No. 0001 dicatat sebagai RM40 sebalang)	200.00
	Tolak : Diskaun niaga 5%	10.00
	JUMLAH	190.00

(Ringgit Malaysia : Satu ratus sembilan puluh sahaja)

zaidah
Pengurus

Dokumen 10

SALINAN

No.: 0001

RESIT RASMI
BAKERI LAZAT
 No. 37A Simpang Empat
 01000 Kangar

Tarikh : 26 April 2022

Diterima daripada : Restoren Bayu
 Ringgit Malaysia : Satu ribu dua ratus sahaja
 Bayaran untuk : Menjelaskan sebahagian daripada hutang

RM1 200
 Tunai / No. cek : BJB631120

zaidah
Pengurus

Dokumen 11

MEMO	
BAKERI LAZAT	
No. 37A Simpang Empat	
01000 Kangar	
Tarikh : 28 April 2022	
Peringatan:	
Mengambil 2 biji kek lapis berjumlah RM108.00 untuk tujuan promosi	
zaidah	Pengurus

Dokumen 12

BAUCER PEMBAYARAN			No.: 0001
BAKERI LAZAT			
No. 37A Simpang Empat			
01000 Kangar			
			Tarikh : 29 April 2022
BIL	KETERANGAN	JUMLAH RM	TANDATANGAN PENERIMA
1	Bayar gaji pekerja	400.00	shihar
	JUMLAH	400.00	
(Ringgit Malaysia : Empat ratus sahaja)			
Tunai / No. cek : BSB365004			
			zaidah Pengurus

Dokumen 13

- (a) Sediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak akan diterima)
- (b) Pindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejae
- (c) Imbangan akaun dan sediakan Imbangan Duga pada 31 April 2022.

Soalan 2

Maklumat berikut diambil daripada buku Kelab Easy Reader

	1 Oktober 2022 RM	30 September 2020 RM
Rumah kelab (Kos pada 1 Oktober 2022)	65 000	65 000
Perabot (Kos pada 1 Oktober 2021)	7 400	7 400
Yuran belum terperoleh	300	1 500
Yuran belum terima	100	200
Akaun Belum Bayar kedai buku	1 970	2 050
Majalah dan surat khabar belum bayar	72	85
Inventori kedai buku	790	840
Baki di bank	5 830	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 September 2022 adalah seperti berikut:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Jualan kedai buku	10 620	Akaun Belum Bayar kedai buku	10 273
Yuran ahli	13 500	Majalah dan surat khabar	1 524
Yuran masuk	1 300	Elektrik dan air	2 220
Yuran pertandingan membaca	1 155	Belanja kedai buku	1 620
Derma untuk pembelian komputer	8 000	Pertandingan membaca	
		Perbelanjaan	636
		Hadiah	4 000

Maklumat tambahan

- (i) Perabot disusutnilaikan pada 10% setahun atas kos
- (ii) Derma untuk tujuan pembelian komputer perlu dianggap sebagai modal sehingga pembelian computer dilakukan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pengiraan Dana terkumpul pada 1 Oktober 2022 [2 markah]

- (b) Akaun Perdagangan Kedai Buku bagi tahun berakhir 30 September 2022 [3 markah]
- (c) Pengiraan untuk mencari keuntungan atau kerugian bagi pertandingan membaca. [2 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 September 2022 dengan menunjukkan keuntungan atau kerugian daripada pertandingan membaca. [5 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2022. [8 markah]

Soalan 3

Zureda dan Kelly adalah rakan kongsi dalam perkongsian I-Care Optometrist. Perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Faedah atas ambilan	12% setahun
Faedah atas modal	6% setahun
Gaji Zureda	RM9 000 setahun
Pembahagian keuntungan rakan kongsi	Zureda 1 : Kelly 4

Petikan dari Imbangan Duga perkongsian tersebut pada 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

	RM	RM
Aset bukan semasa (Nilai buku bersih)	42 500	
Akaun Belum Terima	6 500	
Bank	10 270	
Akaun Belum Bayar		3 401
Untung bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2022		26 369
Akaun Modal pada 1 Julai 2021		
Zureda		16 000
Kelly		32 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2021		
Zureda	870	
Kelly		1 370
Ambilan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022		
Zureda 1 Julai 2021	10 000	
1 Januari 2022	5 000	15 000
Kelly 1 Januari 2022		4 000
		<u>79 140</u>
		<u>79 140</u>

Rakan kongsi bersetuju untuk membuat pelarasan bagi perkara berikut:

- (i) Sewa belum bayar sebanyak RM250
- (ii) Jumlah hutang lapuk adalah RM320
- (iii) Peruntukan hutang ragu 5% atas baki Akaun Belum Terima

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022 [5 markah]
- (b) Menyediakan Akaun Semasa rakan kongsi dalam bentuk beruangan [3 markah]
- (c) Mengapakah dalam perjanjian perkongsian membenarkan gaji hanya diberikan kepada rakan kongsi tertentu sahaja? [2 markah]

Soalan 4

Seri Perpatih Berhad menerbitkan 30 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 50 000 Syer Biasa RM1.00 sesyer pada 10 Disember 2021. Pada 1 Januari 2022 semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Syarikat telah memutuskan untuk memberikan dividen interim syer biasa sebanyak 6% dan bayaran dibuat sebelum tahun kewangan berakhir. Pada 30 September 2022, untung bersih perniagaan ialah sebanyak RM24 000.

Lembaga pengarah syarikat mengumumkan perkara berikut:

- (i) Bayaran dividen akhir atas Syer Keutamaan
- (ii) Bayaran dividen akhir 9% kepada pemegang Syer Biasa

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira pada 30 September 2022:
 - (i) Dividen akhir Syer Keutamaan [2 markah]
 - (ii) Dividen akhir Syer Biasa [2 markah]
 - (iii) Jumlah dividen bagi Syer Biasa [2 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2022 dengan menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik. [4 markah]

Soalan 5

Puan Haryani memulakan Perniagaan Hamer di Mesing, Johor pada 1 April 2021 dengan modal yang terdiri daripada:

	RM
Kenderaan	20 000
Lengkapan danengkapan	8 900

Puan Haryani menyimpan rekod perniagaannya tidak mengikut system catatan bergu. Pada 31 Mac 2022, maklumat kedudukan aset dan liabiliti perniagaan diberikan seperti berikut:

	RM
Akaun Belum Bayar	13 900
Tunai	900
Akaun Belum Terima	4 650
Lengkapan danengkapan	8 900
Overdraf bank	7 800
Kenderaan (kos)	20 000
Belanja membaiki kenderaan belum bayar	1 000
Insurans prabayar	90
Inventori pada 31 Mac 2022	24 570

Maklumat tambahan:

- (i) Sepanjang tahun kewangan Puan Haryani mengambil barang niaga berjumlah RM1 000 dan wang tunai RM300 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Lengkapan RM900 dibeli untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi Puan Haryani.
- (iii) Baki Akaun Belum Terima RM235 hendaklah dihapus kira sebagai hutang lapuk pada akhir tahun kewangan.
- (iv) Kenderaan hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (v) Pulangan belian kepada pembekal RM600 belum dibuat pelarasan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Menghitung Modal pada 31 Mac 2022.

- (b) Penyata Mengira Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.

Soalan 6

Baki berikut telah diambil daripada buku perniagaan Janis Trading, sebuah pengilang kasut pada 31 Disember 2022.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2022:	
Bahan langsung	26 700
Kerja dalam proses	6 900
Alat - alat kecil	2 150
Belian:	
Bahan langsung	48 650
Alat – alat kecil	5 420
Mesin danengkapan kilang (kos)	84 000
Susut nilai terkumpul mesin danengkapan kilang	25 200
Buruh langsung	37 400
Insurans	10 800
Utiliti kilang	7 600
Sewa	11 100
Angkutan masuk bahan langsung	3 650
Gaji tak langsung kilang	12 350
Belanja am kilang	6 400
Inventori pada 31 Disember 2022	
Bahan langsung	19 800
Kerja dalam proses	7 950
Alat - alat kecil	3 500

Maklumat tambahan:

- (i) Elektrik dan air masih belum bayar sebanyak RM800
- (ii) Sewa prabayar RM1 500
- (iii) Dua pertiga daripada insurans adalah untuk kilang manakala satu pertiga adalah untuk pejabat
- (iv) Mesin danengkapan kilang disusutnilaikan pada kadar 5% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun alat – alat kecil [2 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [10 markah]